



**KECENDERUNGAN KANAK-KANAK TERHADAP BIDANG AGROPRENEUR: KAJIAN KES DI  
PUSAT AKTIVITI KANAK-KANAK KUALA MUDA, MALAYSIA**

*(Children's Tendency Towards Agropreneurship: A Case Study of Pusat Aktiviti Kanak-Kanak Kuala Muda, Malaysia)*

Siti Nur Fathini Muhsain<sup>1</sup>, Nor Fadzilah Zainal<sup>1</sup>, Nor Hidayah Harun<sup>1\*</sup>,  
'Imaaduddin Abdul Halim<sup>2</sup>, Mohd Sukor Md Yusoff<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA, 13500 Bukit Mertajam, Malaysia

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 13500 Bukit Mertajam, Malaysia

\*Corresponding Author Email: [norhidayah510@uitm.edu.my](mailto:norhidayah510@uitm.edu.my)

Received: 30 September 2022 • Accepted: 27 October 2022 • Published: 31 October 2022

***Abstract***

*The government's efforts to strengthen the country's food security program are actively implemented through the Young Agropreneur Program. However, the response rate of young people to participate in agropreneurship is still marginal. Therefore, it is crucial to create interest and awareness among young people as early as childhood toward agropreneurship to support the government's aims. This study only focuses on the tendency toward agropreneurship among children at Kuala Muda Children's Activity Center. The intention is to examine the children's inclination toward agropreneurship by identifying the level of interest, knowledge, attitude, and external support towards the field. The study sample consisted of 20 children, and the research method used was interviews and observation. The findings revealed that the interest and knowledge of children at Kuala Muda Children's Activity Center might influence their tendency to participate in agropreneurship. However, the influence of the children's attitude and support toward the field is low. Therefore, the results of this study can provide information to policymakers to derive plans to support, assist and provide incentives such as funds for agropreneurship programs to encourage young people as early as childhood. Besides, it can also increase researchers' understanding of the children's attitude, knowledge, and support towards this field. This understanding can further help the university to provide appropriate programs to cultivate and increase agropreneurial tendencies among children, especially in Children's Activity Centers throughout Malaysia.*

**Keywords:** Agropreneur; Descriptive Analysis; Children; PAKK Kuala Muda

### Abstrak

Usaha kerajaan untuk memperkukuhkan sekuriti makanan negara melalui Program Agropreneur Muda sedang giat dijalankan. Namun, peratusan sambutan golongan muda untuk menyertai bidang agropreneur ini masih kecil. Justeru, ianya penting bagi menimbulkan minat dan kesedaran kepada golongan muda seawal usia kanak-kanak untuk cenderung ke arah bidang agropreneur bagi sama-sama menyokong hasrat kerajaan. Kajian ini hanya memfokuskan kepada kecenderungan kepada bidang agropreneur dalam kalangan kanak-kanak di Pusat Aktiviti Kanak- Kanak Kuala Muda. Objektif kepada kajian ini ialah untuk mengupas kecenderungan kanak-kanak terhadap bidang agropreneur dengan mengenal pasti tahap sikap, pengetahuan, dan sokongan terhadap bidang tersebut. Sampel kajian terdiri daripada 20 orang kanak-kanak serta metod kajian yang digunakan adalah melalui temubual dan pemerhatian. Kajian ini mendapati bahawa minat dan pengetahuan kanak-kanak di PAKK Kuala Muda dapat mempengaruhi kecenderungan mereka untuk menyertai bidang agropreneur. Namun begitu, sikap kanak-kanak dan sokongan untuk mereka cenderung ke arah bidang tersebut masih lagi pada tahap kurang memberangsangkan. Oleh itu, hasil kajian ini dapat memberikan gambaran awal kepada penggubal dasar untuk mendorong golongan muda seawal usia kanak-kanak melalui sokongan, bantuan serta insentif seperti memperuntukkan dana kewangan untuk program yang menghala ke arah bidang agropreneur. Disamping itu, para penyelidik juga dapat meningkatkan pemahaman mengenai minat, pengetahuan, sikap, dan sokongan kepada golongan kanak-kanak terhadap bidang agropreneur. Pemahaman ini seterusnya dapat membantu pihak universiti dalam menyediakan program yang bersesuaian bagi membudayakan dan meningkatkan kecenderungan bidang agropreneur dalam kalangan kanak-kanak, khususnya di Pusat Aktiviti Kanak-kanak di seluruh Malaysia.

**Kata kunci:** Agropreneur; Analisa deksriptif; Kanak- Kanak; PAKK Kuala Muda

**Cite as:** Muhsain, S.N.F., Zainal, N.F., Harun, N.H., Halim, I.A., & Yusoff, M.S.M. (2022). Children's Tendency Towards Agropreneurship: A Case Study Of Pusat Aktiviti Kanak- Kanak Kuala Muda, Malaysia. *Asian People Journal*, 5(2), 161-168.

### PENGENALAN

Sejajar dengan Dasar Agromakanan 2021-2030 (DAN 2.0), sektor agromakanan merupakan satu sektor yang bukan semata dapat membantu meningkatkan taraf ekonomi dan sosial penduduk, malahan sektor ini memainkan peranan yang penting untuk sekuriti makanan di negara -negara sedang membangun termasuklah negara Malaysia. Pelbagai inisiatif serta langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi menjamin sekuriti makanan negara melalui Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025. Salah satu langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan adalah melalui Program Agropreneur Muda (PAM). Program ini bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan daripada golongan muda yang berumur di antara 18 hingga 40 tahun untuk terlibat dalam bidang keusahawanan tani berasaskan semua aktiviti di sepanjang rantai nilai sektor pertanian seperti pengeluaran tanaman, ternakan dan perikanan serta industri makanan dan asas tani.

Sejumlah RM137 juta nilai geran telah diluluskan kepada 7,699 usahawan seluruh negara sejak Program Agropreneur Muda mula diperkenalkan pada tahun 2016 (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, 2021). Pada tahun 2022, sejumlah RM 15 juta telah diperuntukkan kepada 750 orang usahawan melalui Geran

Agropreneur Muda (GAM). Sebanyak RM 20,000 diberikan kepada usahawan iaitu dalam bentuk bantuan geran dan barangan. Di samping itu, Pembiayaan Khas Agropreneur Muda iaitu pinjaman sehingga RM200,000 melalui Agrobank dan TEKUN Nasional dengan kadar faedah dua peratus sahaja juga telah ditawarkan kepada golongan muda yang berminat untuk menjadi agropreneur. Ini jelas menunjukkan pihak kerajaan sangat komited dalam membantu usahawan untuk terus menjana pendapatan melalui bidang agropreneur. Namun begitu, peratusan sambutan yang diberikan oleh golongan muda hanyalah 15 peratus daripada jumlah petani yang berdaftar. Antara penyebab kepada masalah ini adalah persepsi golongan muda bahawa bidang pertanian adalah bidang yang tidak menguntungkan serta meletihkan.

Persepsi sebegini boleh diubah melalui program yang melibatkan ceramah kesedaran atau pameran pertanian secara berkala kepada golongan muda. Hal ini adalah penting kerana kesedaran hanya akan tercetus apabila adanya ilmu dan pengetahuan tentang bidang pertanian secara berterusan. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk mendukung hasrat kerajaan bagi menggalakkan lebih ramai penyertaan daripada golongan muda, pengkaji berpendapat golongan kanak-kanak merupakan sasaran golongan yang tepat untuk meramaikan jumlah golongan muda menyertai bidang agropreneur. Ini adalah kerana memperkenalkan bidang agropreneur pada seawai usia kanak-kanak dapat mencungkil minat serta memberi kesedaran lebih awal tentang kepentingan sektor agromakanan, khususnya untuk bergelar agropreneur. Oleh itu, objek kajian ini adalah untuk mengenal pasti kecenderungan terhadap bidang agropreneur dalam kalangan kanak-kanak di Pusat Aktiviti Kanak- Kanak Kuala Muda dengan mengupas isu faktor dalaman seperti tahap minat dan sikap kanak-kanak terhadap bidang ini, Selain itu pengkaji juga mengupas isu faktor luaran seperti tahap pengetahuan terhadap bidang agropreneur dan sokongan yang diberikan kepada kanak-kanak untuk cenderung ke bidang agropreneur. Kajian berkenaan bidang agropreneur telah banyak dilakukan dengan melibatkan pelbagai lapangan. Namun begitu setakat pengamatan penyelidik, hanya sedikit sahaja kajian yang melibatkan bidang agropreneur dengan remaja atau kanak-kanak.

Kajian yang dilakukan oleh Yusof (2017) adalah berkenaan dengan faktor-faktor yang menyumbang kepada pembangunan tingkah laku keusahawanan agro dalam kalangan generasi muda di Malaysia. Tumpuan kajian ini melibatkan hubungan antara kecenderungan keusahawanan dan tingkah laku sebenar keusahawanan agro dan tingkah laku sebenar melalui pendekatan *longitudinal* dengan pengumpulan data dilakukan selepas 6 bulan bergraduasi. Disamping itu juga kajian yang dilakukan adalah untuk mengkaji proses kompetensi keusahawanan memoderasi hubungan antara kecenderungan keusahawanan agro dan tingkah laku sebenar keusahawanan agro. Hasil kajian ini mendapati faktor individu, institusi dan faktor sosial mempunyai impak positif yang signifikan ke atas pemacu keusahawanan. Ini termasuklah sikap terhadap keusahawanan agro dan tanggapan tingkah laku kawalan, kurikulum dan kandungan pendidikan keusahawanan agro dan pembelajaran berdsarkan pengalaman keusahawanan agro. Selain itu, kajian yang dilakukan Rosmiza dan Ghazali (2020) pula berkenaan cabaran projek tanaman cendawan sebagai asas transisi kerjaya keusahawanan agro kepada murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran (MBKBP). Terdapat beberapa cabaran dikenalpasti yang menjejaskan projek ini seperti kurangnya sokongan pihak pentadbir sekolah, para guru yang tidak diberikan latihan sewajarnya dan kurangnya juga sokongan dari pihak ibu bapa. Selain itu, kekurangan penyediaan infrastruktur di samping peruntukan modal turut menjadi kekangan kepada kelangsungan program ini. Sebelum itu, Rosmiza et al. (2019) telah mengkaji pengaruh sistem sokongan terhadap kelangsungan program transisi kerjaya keusahawanan agro kepada pelajar MBKBP. Hasil kajian mendapati kelancaran program tanaman cendawan dipenagruhi oleh faktor sokongan pihak pentadbir, guru dan agensi luar. Namun, sokongan yang paling berpengaruh adalah dari pihak ibu bapa dan guru dalam membentuk kemahiran keusahawanan dalam kalangan murid.

Seterusnya, Yaakub dan Arshad (2022) telah mengkaji berkenaan pembinaan kompetensi agropreneur muda di Malaysia. Objektif kajian adalah untuk meneroka aspek pembinaan kompetensi yang diperolehi oleh para peserta Agropreneur Muda. Pengkaji telah menggunakan Program Agropreneur Muda (PAM) sebagai konteks dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati PAM telah menyumbang kepada pembangunan kompetensi dalam kalangan agropreneur muda yang merangkumi empat elemen. Ini termasuklah peningkatan pengetahuan usahawan dalam perniagaan, memperkasakan kemahiran, mengukuhkan imej sendiri dan mewujudkan jaringan perniagaan yang berkesan. Elemen-elemen ini menjadi pemangkin kepada kejayaan Agropreneur Muda dalam menjana pendapatan dan mewujudkan peluang kebolehpasaran.

Berdasarkan penelitian pengkaji setakat ini, terdapat beberapa kajian yang memfokuskan perbincangan agropreneur dengan para belia dan murid sekolah serta tidak dijumpai lagi kajian khusus berkenaan dengan kecenderungan kanak-kanak terhadap agropreneur. Justeru itu, pengkaji akan memenuhi lompong yang wujud melalui kajian kecenderungan kanak-kanak terhadap bidang agropreneur.

## **METODOLOGI**

Kajian ini melibatkan kecenderungan kanak-kanak terhadap bidang Agropreneur. Oleh itu, kaedah persampelan bertujuan dipilih kerana ianya dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu yang ingin dikaji (Burn,1997). Kajian kes ini memilih data dari Pusat Aktiviti Kanak-kanak (PAKK) Kuala Muda kerana kajian ini mensasarkan kepada golongan kanak-kanak terhadap bidang Agropreneur.

PAKK merupakan perkhidmatan sokongan anjuran Pasukan Perlindungan Kanak-kanak (PPKK) dibawah selian Jabatan Kebajikan Masyarakat. Bagi mewujudkan PAKK, PPKK akan melihat kepada isu yang ketara dalam sesuatu kawasan dan menentukan peringkat umur kanak-kanak yang memerlukan perkhidmatan ini. PAKK boleh dibuka sepanjang hari, atau untuk tempoh masa yang tertentu sahaja. Objektif penubuhan PAKK adalah untuk menganjurkan program dan perkhidmatan sokongan bercorak pencegahan dan perlindungan terutama bagi kanak-kanak yang dianiaya oleh keluarga mereka. Keanggotaan PAKK terdiri daripada jawatankuasa kecil yang dilantik oleh pihak PAKK. Peranan dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh PAKK adalah seperti berikut:

1. Tempat perlindungan : Menyediakan pelbagai aktiviti yang sesuai dengan peringkat umur kanak-kanak.
2. Pusat advokasi : Mengadakan ceramah / kursus pendek kepada masyarakat, ibu bapa dan kanak-kanak.
3. Pusat sumber : Menyediakan bahan bacaan / rujukan untuk kanak-kanak.
4. Pusat Pembelajaran : Kelas bimbingan / komputer / kelas keagamaan / kelas lukisan / kelas drama / pidato / deklamasi sajak.
5. Pusat Intervensi Krisis : Menyediakan sesi kaunseling.
6. Pusat Sosial / Sukan / Rekreasi : Sukan / riadah / program kebudayaan / kesenian dan sebagainya.

Oleh itu, Program Agropreneur Muda yang dijalankan di PAKK Kuala Muda meliputi dua fasa. Fasa pertama adalah aktiviti yang memfokuskan kepada sesi praktikal tentang ilmu bertanam secara hidroponik bersama idola Agropreneur serta sesi taklimat daripada pegawai Pejabat Pertanian Seberang Perai Utara seperti yang ditunjukkan dalam rajah 1. Manakala Fasa 2 merupakan susulan projek yang dilaksanakan, yang mana peserta terlibat dibawa melawat ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TPKM) Ara Kuda serta sesi taklimat Transformasi Minda seperti yang ditunjukkan dalam rajah 4. Program fasa 2 ini menjurus kepada memberi kesedaran dan pendedahan kepada peserta tentang kepentingan menceburi bidang keusahawanan dalam menjana pendapatan

melalui hasil pertanian yang diusahakan. Manakala rajah 2 dan 3 menunjukkan hasil pertanian hidroponik serta penjurian yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan Pertanian Daerah Seberang Perai Utara.

Metod yang digunakan pengkaji adalah secara temubual dan tinjauan kepada peserta Agropreneur yang terpilih. Responden yang terpilih adalah terdiri daripada 20 peserta yang berumur di antara 11 - 18 tahun yang dipilih dari data yang diperolehi daripada Penyelia PAKK Kuala Muda, yang juga merupakan penduduk kawasan terbabit. Rasional pemilihan kawasan kajian Kuala Muda adalah kerana Kuala Muda termasuk di dalam kawasan pekan Penaga, Seberang Perai Utara yang mana guna tanah utama bagi kawasan tersebut adalah perikanan serta pertanian yang turut menempatkan kawasan perumahan kampung.



Rajah 1: Peserta belajar penanaman secara hidroponik



Rajah 2: Hasil hidroponik peserta



Rajah 3: Penjurian oleh Pegawai Jabatan Pertanian Jabatan Daerah Seberang Perai Utara




Rajah 4: Peserta melawat ke Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Ara Kuda

## HASIL DAN PERBINCANGAN

Projek agropreneur ini telah mensasarkan 20 orang kanak-kanak di PAKK Kuala Muda. Peserta yang terlibat berumur dalam lingkungan 11 ke 18 tahun dan majoriti peserta yang terlibat terdiri daripada peserta perempuan. Projek ini difokuskan terhadap kanak-kanak kerana ingin memberi pengetahuan asas mengenai penanaman secara hidroponik selain ingin menyemai rasa minat terhadap bidang agropreneur.

### *Faktor-faktor mempengaruhi kecenderungan kanak-kanak*

Hasil daripada temubual bersama 20 orang peserta, pengkaji telah mengelaskan 2 faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan terhadap bidang agropreneur dalam kalangan kanak-kanak di PAKK Kuala Muda iaitu faktor dalaman dan faktor luaran seperti dalam Rajah 5.



Rajah 5: Faktor kecenderungan dalam Kalangan Kanak-Kanak di PAKK Kuala Muda terhadap bidang agropreneur

### ***Faktor Dalaman***

Faktor dalaman merupakan faktor yang melibatkan diri individu itu sendiri untuk terdorong terlibat dengan bidang pertanian. Faktor dalaman yang telah berjaya dikenalpasti bagi kajian ini ialah faktor sikap dan pengetahuan. Sikap merupakan salah satu faktor dalaman untuk kanak-kanak terlibat dalam bidang agropreneur. Faktor sikap ini juga boleh dikaitkan dengan rasa minat dan keinginan. Hasil temubual mendapati 85 peratus iaitu seramai 17 orang menyatakan rasa minat untuk menceburi bidang agropreneur. Ini kerana, rata-ratanya sangat berminat untuk mencuba kaedah pertanian moden seperti hidroponik. Penanaman secara hidroponik merupakan kaedah moden pertanian yang mudah untuk dilakukan terutamanya bagi kanak-kanak. Oleh kerana cara-cara menggunakan kaedah penanaman hidroponik lebih mudah daripada penanaman konvensional, 80 peratus iaitu seramai 16 orang menyatakan minat dan berkeinginan untuk mencuba kaedah penanaman secara hidroponik.

Seterusnya ialah faktor pengetahuan yang mana faktor ini dilihat dari segi kemahiran dan pengetahuan asas peserta dalam bidang pertanian amnya dan khususnya pada kaedah penanaman secara hidroponik. Pengetahuan mengenai bidang pertanian ini dapat membuka ruang kepada kanak-kanak untuk memajukan diri dalam bidang pertanian terutamanya dari segi penggunaan teknologi dan teknik-teknik yang boleh digunakan dalam pertanian seperti kaedah penanaman hidroponik. Merujuk kepada temubual, 75 peratus iaitu seramai 15 orang menyatakan tahu serba sedikit mengenai asas pertanian. Namun begitu, bagi kaedah penanaman secara hidroponik, hanya 55 peratus sahaja iaitu seramai 11 orang yang mempunyai pengetahuan tersebut. Selain itu, dengan adanya pengetahuan mengenai pertanian, peserta berpeluang untuk menjadi agropreneur sebagai bidang kerjaya bagi menjana pendapatan. Hasil daripada temubual, 90 peratus iaitu seramai 18 orang bersetuju bahawa agropreneur merupakan kerjaya yang boleh menjana pendapatan dan hanya 70 peratus iaitu seramai 14 orang yang bersetuju bahawa kaedah penanaman secara hidroponik boleh menjana pendapatan.

### ***Faktor Luaran***

Hasil daripada tinjauan, pengkaji mendapati bahawa kecenderungan kanak-kanak ini turut dipengaruhi oleh faktor luaran iaitu sokongan. Faktor sokongan dilihat melalui dari sudut sokongan ahli keluarga, kerajaan, dan masyarakat sekeliling. Berdasarkan pemerhatian, sokongan daripada pihak kerajaan amat menggalakkan kerana terdapat pelbagai program dan dana untuk memupuk minat orang ramai terlibat dalam bidang pertanian. Ini termasuklah projek agropreneur yang dilaksanakan di PAKK Kuala Muda adalah satu usaha pengkaji yang bekerjasama dengan agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Daerah Seberang Perai Utara. Projek ini juga merupakan sokongan kepada inisiatif kerajaan yang telah menjalankan Program Agropreneur Muda kepada golongan muda yang berusia 18 hingga 40 tahun. Namun begitu, pada peringkat masyarakat sekeliling dan keluarga di PAKK Kuala Muda, sokongan yang diberikan kepada peserta dalam menjayakan projek penanaman secara hidroponik ini kurang memberangsangkan terutamanya sokongan daripada keluarga. Hasil tinjauan mendapati terdapat keluarga yang kurang membantu dan tidak cakna mengenai projek yang sedang dilakukan oleh anak-anak mereka. Natiujahnya terdapat pokok-pokok tanaman hidroponik yang tidak tumbuh elok dan ada juga yang mati.

## **KESIMPULAN**

Meskipun hasil dapatan melalui temubual menunjukkan ramai kanak-kanak di PAKK Kuala Muda mempunyai minat yang memberangsangkan terhadap bidang agropreneur, namun hasil tinjauan juga mendapati terdapatnya kelompok kecil dalam kanak-kanak di PAKK Kuala Muda yang kurang cakna terhadap tanaman hidroponik masing-masing. Ini menunjukkan sikap kanak-kanak itu sendiri memainkan peranan yang penting untuk mereka

cenderung kepada bidang ini. Manakala, dari segi pengetahuan kanak-kanak tersebut terhadap penanaman hidroponik juga menjadi kayu ukur kepada tahap kecenderungan mereka terhadap bidang ini. Ini dapat dibuktikan apabila terdapat tanaman hidroponik peserta terencat pertumbuhannya disebabkan oleh kekurangan nutrisi baja dan pencahayaan matahari. Keadaan ini mungkin disebabkan masih kurangnya pengetahuan mengenai penanaman secara hidroponik.

Secara umumnya, bidang pertanian merupakan bidang yang mencabar kerana bidang ini memerlukan sikap ketekunan, kesungguhan dan kesabaran yang tinggi serta pengetahuan yang mendalam. Oleh itu, bagi menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan sekuriti makanan negara, sokongan daripada semua pihak terutamanya pihak ibubapa, Pusat Aktiviti Kanak- Kanak Kuala Muda, dan seterusnya komuniti Kuala Muda. Hasil kajian ini tidak memberi dapatan keseluruhan kepada kecenderungan semua kanak-kanak di Malaysia terhadap bidang agropreneur. Justeru, projek sebegini haruslah dilaksanakan di seluruh Pusat Aktiviti Kanak-Kanak di Malaysia bagi mendapat hasil yang lebih tepat tentang faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi kecenderungan kanak-kanak dalam bidang agropreneur.

### **ACKNOWLEDGEMENT**

Setulus penghargaan kepada Pihak Naib Canselor UiTM dan pihak Pengurusan UiTM Cawangan Pulau Pinang atas kelulusan mengadakan Projek Agropreneur Muda Bersama PAKK Kuala Muda. Penghargaan juga kepada para penaja projek iaitu Pihak Jabatan Pertanian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Seberang Perai Utara, Pasukan Sukarelawan Orang Muda (PSOM), serta penduduk di sekitar Pusat Aktiviti Kanak- Kanak Kuala Muda.

### **RUJUKAN**

- Burn, R. B. (1997). *Introduction to Research Methods* (3rd Ed.). South Melbourne, Australia: Addison Wesley Longman Australia.
- Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia (2021). Retrieved from <http://www.moa.gov.my>
- Rosmiza M. Z. & Ghazali, M. M. (2020). Cabaran projek tanaman cendawan sebagai asas transisi kerjaya keusahawanan agro kepada murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. *Malaysian Journal of Society and Space* 16, (1). 46-61.
- Rosmiza M. Z., Ghazali, M. M., Andin, C. & Choy, L. K. (2019). Pengaruh sistem sokongan terhadap kelangsungan program transisi kerjaya keusahawanan agro tanaman cendawan kepada murid berkeperluan khas bermasalah pembelajaran. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 2(8), 83-98.
- Yaakub, S. & Arshad, M. M. (2022). Pembinaan kompetensi agropreneur muda di Malaysia. *Asia Pacific Journal of Youth Studies*, 1(1), 76-100.
- Yusoff, A. (2017). *Antecedents of agropreneurship intention and behaviour among Malaysian Gen Y: a longitudinal approach*. Tesis doktor falsafah, Universiti Sains Malaysia.